

Persisi rancang popularkan silat senaman di balai rakyat †

12 MAY 1990

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) merancang untuk mempopularkan silat senaman di balai-balai rakyat sebagai satu usaha mengembangkan seni itu sebagai satu bentuk senaman di peringkat kebangsaan.

Rancangan itu merupakan salah satu daripada kegiatan-kegiatan yang telah diatur oleh Persisi sepanjang tahun ini untuk memajukan seni silat di sini.

Dalam satu kenyataannya baru-baru ini, Presiden Persisi, Haji Abdul Rahman Ismail, berkata, sebagai langkah permulaan, ia bercadang mengadakan demonstrasi silat itu sempena Pertandingan Silat Kebangsaan Pesta Sukan 1990.

Tujuannya ialah untuk memperkenalkan silat senaman kepada masyarakat Melayu khususnya dan Singapura amnya. Selepas itu, Persisi akan cuba mendapatkan Persatuan Rakyat (PA) untuk mempopularkannya di balai-balai rakyat, katanya.

Kenyataan tersebut juga

mengumumkan bahawa satu seminar persilatan kebangsaan akan diadakan pada hujung tahun ini dengan peserta dari luar negeri diundang untuk membincangkan seni persilatan.

Seminar persilatan kebangsaan itu akan diperluas menjadi seminar antarabangsa, sekiranya ia mendapat sambutan menggalakkan.

Sementara itu, pertandingan silat antara balai rakyat bagi merebut Piala Haji Sidek Saniff akan diadakan dari Ahad ini hingga 24 Jun.

Pada Ahad ini pemeriksaan kesihatan dan pengundian pertandingan diadakan. Saringan akan diadakan di Balai Rakyat Geylang West pada 2, 3, 9, 10 dan 16 Jun sementara pertandingan separuh akhir dan akhir akan diadakan pada 17 Jun di Balai Rakyat Geylang West.

Pertandingan akhir juga akan diadakan pada 26 Jun di Kompleks Sukan Tertutup Bedok mulai 1 petang.

Ini, kata Haji Abdul Rahman, akan disusuli dengan

pertandingan Silat Kebangsaan 1990 sempena Pesta Sukan dari 25 Jun hingga 15 Julai.

Saringan bagi pertandingan tersebut yang bermula pada 30 Jun, akan diadakan di Rumah Persisi, Kampong Eunos.

Di samping itu, Persisi juga akan mengadakan pertandingan Seni (Massal) dan juga pertandingan akhir olahraga di Stadium Tertutup Bedok pada 14 dan 15 Julai.

Menurut Haji Abdul Rahman lagi, Persisi juga merancang menghidupkan semula kegiatannya dalam bidang penyelidikan dan pembangunan persilatan.

Sebuah jawatankuasa khas untuk tujuan itu telah pun dibentuk untuk membuat penyelidikan lengkap mengenai seni silat Melayu dan persilatan di Singapura dan rantau ini.

Sementara itu, dalam mesyuarat agung ke-14 Persisi pada 8 April lalu, anggota-anggota Jawatankuasa Pentadbir bagi tahun 1990-1992

yang dipilih adalah seperti berikut:

Haji Abdul Rahman Ismail (Presiden), Haji Abdul Rahim Dayan (Timbalan Presiden Pertama), Encik Haron Abdul Rahman (Timbalan Presiden Kedua), Encik Abdullah Safie Mohd Sidik (Timbalan Presiden Ketiga), Encik Mohamed Kaspari (Setiausaha Kehormat), Mohd Khamin Said (Penolong Setiausaha Kehormat Pertama).

Haji Sarkawi Masdom (Penolong Setiausaha Kehormat Kedua), Encik Hashim Mukayat (Bendahari), Encik Rashid Kamarudin (Penolong Bendahari Kehormat).

Anggota-anggota Jawatankuasa biasa yang dilantik terdiri daripada Haji Sayuti Hussin, Haji Mohd Noor Khalid, Encik Saini Abdul Rahman, Encik Abdul Rahim Abdul Rashad, Encik Jamaluddin Jamal, Encik Jasni Salam, Encik Sarib Abdul Rahman, Encik Abdul Latiff Abdul Rahman dan Encik Azlan Abdul Rahim.